DP.MWA%-Pind.2/2025

JABATAN PELAKSANAAN PROJEK DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

DOKUMEN TENDER

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

UNTUK KEGUNAAN SEBUT HARGA DBKL SAHAJA

JABATAN PELAKSANAAN PROJEK DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN 1	SENARAI SEMAKAN PENYEDIAAN DOKUMEN e-PEROLEHAN KERJA PENYELENGGARAAN	SPD/1
	SURAT AKUAN PEMBIDA	SAP/1 – SAP/2
	SURAT AKUAN PEMBIDA UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS – READY TO WORK (PROTÊGE-RTW)*	SAP/3
	KOD ETIKA KONTRAKTOR / PERUNDING DATUK BANDAR KUALA LUMPUR	KE/1-KE/8
	BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL	BO/1
	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA	SA/1
	SENARAI SEMAK KECUKUPAN DOKUMEN WAJIB DIISI / DISERAH BERSAMA DOKUMEN TENDER	SSD/1-SSD/2
	SENARAI SEMAKAN MENGISI DOKUMEN TENDER	SS/1 – SS/5
BAHAGIAN 2	ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT AM KEPADA PETENDER	AKP/1 – AKP/17
BAHAGIAN 3	BORANG TENDER	BT/1 – BT/4
BAHAGIAN 4	PERJANJIAN KERJA PENYELENGGARAAN	1 – 49
BAHAGIAN 5	SKOP KERJA	SK/1 – SK/13
BAHAGIAN 6	JADUAL KADAR HARGA	JKH/1 – JKH/46
BAHAGIAN 7	SPESIFIKASI	SPEC/1 – SPEC/10
BAHAGIAN 8	LAMPIRAN	
Lampiran A -	*Borang Jaminan Bank / Insurans Untuk Bon Pelaksanaan (Kontrak Kerja)*	
Lampiran B -	*Borang Jaminan Bank / Jaminan Syarikat Kewangan / Jaminan Insurans Untuk Bayaran Pendahuluan (Kerja)*	
Lampiran C -	*Borang Maklumat Petender (BRG/JP/BPP(Pind.2/2025)*	
Lampiran D -	*Senarai dan Tugas Panel Syarikat Insurans/Broker Insurans/Broker Takaful DBKL*	

UNTUK KEGUNAAN ASET DARIPADA DBKL SAHAJA

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAHAGIAN 1.

- **SENARAI SEMAKAN PENYEDIAAN DOKUMEN e-PEROLEHAN KERJA**
- **SURAT AKUAN PEMBIDA**
- **SURAT AKUAN PEMBIDA UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS – READY TO WORK (PROTÉGÉ-RTW)***
- **KOD ETIKA KONTRAKTOR/PERUNDING DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**
- **BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL**
- **SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA**
- **SENARAI SEMAK KECUKUPAN DOKUMEN WAJIB DIISI / DISERAH BERSAMA DOKUMEN TENDER**
- **SENARAI SEMAKAN MENGISI DOKUMEN TENDER**

UNTUK KEGUNAAN BENDAHARI DBKL SAHAJA

SENARAI SEMAKAN PENYEDIAAN DOKUMEN E-PEROLEHAN KERJA

BIL	PERKARA	DOKUMEN WAJIB DIISI & DICETAK
	KULIT MUKA DOKUMEN TENDER / SEBUTHARGA	✓
	ISI KANDUNGAN	
BAHAGIAN 1	SENARAI SEMAKAN PENYEDIAAN DOKUMEN E-PEROLEHAN KERJA	
	SURAT AKUAN PEMBIDA	
	SURAT AKUAN PEMBIDA UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS – READY TO WORK (PROTÊGE-RTW)*	
	KOD ETIKA KONTRAKTOR / PERUNDING DATUK BANDAR KUALA LUMPUR	
	BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL	✓
	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA	
	SENARAI SEMAK KECUKUPAN DOKUMEN WAJIB DIISI / DISERAH BERSAMA DOKUMEN TENDER	
	SENARAI SEMAKAN MENGISI DOKUMEN TENDER	
BAHAGIAN 2	ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT AM KEPADA PETENDER	-
BAHAGIAN 3	BORANG TENDER	✓
BAHAGIAN 4	PERJANJIAN KERJA PENYELENGGARAAN	-
BAHAGIAN 5	SKOP KERJA	-
BAHAGIAN 6	JADUAL KADAR HARGA	-
BAHAGIAN 7	SPESIFIKASI	-
BAHAGIAN 8	LAMPIRAN	
Lampiran A	*Borang Jaminan Bank/Insurans Untuk Bon Pelaksanaan (Kontrak Kerja)*	-
Lampiran B	*Borang Jaminan Bank/ Jaminan Syarikat Kewangan / Jaminan Untuk Bayaran Pendahuluan (Kerja)*	-
Lampiran C	*Borang Maklumat Petender BRG/JP/BPP(Pind.2/2025)*	✓
Lampiran D	*Senarai dan Tugas Panel Syarikat Insurans/Broker Insurans/Broker Takaful DBKL*	-

NOTA *:*

1. ***DOKUMEN WAJIB CETAK, DIJILID*** *dan dimasukkan dalam sampul surat berlakri. Dokumen yang lengkap hendaklah di****HANTAR*** *ke Jabatan Pentadbiran, Bhg. Pengurusan Perolehan*
2. *Sekiranya dokumen* ***TIDAK LENGKAP****, tender akan* ***DIGAGALKAN****.*

UNTUK KEGUNAAN SEBUTHARGA BRG SAHAJA

SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi
Tender:
PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Saya, ……..……* No.K/P..... yang mewakili

Syarikat…….....…….....…..……..…..….....

Nombor Pendaftaran.....(*MOF/CIDB/SSM)

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana- mana orang dalam mana-mana **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur** atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

   2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan

   2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil:

   3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing- masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau

   3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

UNTUK KEGUNAAN PEMBIDA DI BAWAH SAHAJA

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : ……

Nama : ……

No.KP : ……

Tarikh : ……

Cop Syarikat :

Catatan:

(i) **Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.

(ii) ***Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

PERINGATAN : Surat Akuan Pembida ini <u>WAJIB</u> diisi dan ditandatangan.

UNTUK KEGUNAAN SEBUTHARGA DBKL SAHAJA

SURAT AKUAN PEMBIDA UNTUK MELAKSANAKAN
PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS – READY TO WORK (PROTÊGÊ-RTW)*

Kepada

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tender:

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Saya, ……..... No.K/P ..... yang mewakili

Syarikat…….....…….....……...…….....….....

Nombor Pendaftaran..... (*MOF/CIDB)

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya akan melaksanakan program PROTÊGÊ-RTW jika dipilih untuk sebut harga/tender ini mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta program PROTÊGÊ-RTW seperti yang ditetapkan di dalam syarat sebut harga/tender.

2. Sekiranya saya tidak melaksanakan program PROTÊGÊ-RTW mengikut had nilai ambang *(threshold value*) dan bilangan minimum peserta setelah dipilih untuk sebut harga/tender ini, maka Datuk Bandar Kuala Lumpur boleh mengambil tindakan ke atas syarikat saya berdasarkan syarat/klausa kontrak dan syarikat saya mungkin tidak akan dipertimbangkan untuk sebutharga/tender perolehan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada masa akan datang.

Yang Benar,

.....
Nama:
Kad Pengenalan:
Cop Syarikat:

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkaitan.
ii) Surat Akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran (*MOF/CIDB).

UNTUK KEGUNAAN PETENDER DBKL SAHAJA

PERINGATAN : SURAT AKUAN PEMBIDA INI ADALAH WAJIB DIISI DAN DITANDATANGAN BAGI PEROLEHAN MERUJUK KEPADA NILAI AMBANG YANG TELAH DITETAPKAN DALAM PARA 14 ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT AM KEPADA PETENDER.

UNTUK KEGUNAAN SEBUTHARGA DBKL SAHAJA

KOD ETIKA KONTRAKTOR/PERUNDING DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

1.0 PENGENALAN

Datuk Bandar Kuala Lumpur komited dalam memastikan proses perolehan yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi peluang penyertaan terbuka kepada semua pihak yang layak bersaing serta dilaksanakan dengan telus dan adil mengikut dasar serta peraturan piawaian urusan perolehan.

Kod Etika Kontraktor/Perunding Datuk Bandar Kuala Lumpur ini digunapakai kepada semua Kontraktor seperti takrifan di bawah, yang terlibat di dalam proses perolehan DBKL dalam pemberian atau pelaksanaan kontrak kerja, bekalan, perkhidmatan, perolehan am dan perkhidmatan perunding.

Prinsip-prinsip yang digariskan dalam kod etika ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip perolehan DBKL dari aspek akauntabiliti, ketelusan, nilai faedah terbaik, persaingan terbuka serta adil dalam memastikan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) perolehan DBKL.

2.0 DEFINISI

Terma-terma yang disenaraikan digunakan di dalam Kod ini dan penerangan maksud adalah seperti berikut :-

2.1 **Ahli Keluarga** bermaksud seorang anggota keluarga dan termasuk suami-isteri, ibu-bapa, anak (termasuk anak angkat dan anak tiri), saudara lelaki dan saudara perempuan pegawai DBKL serta suami/isteri kepada anak, saudara lelaki atau saudara perempuan pegawai DBKL.

2.2 **Ahli Lembaga Penasihat** bermaksud mana-mana orang yang dilantik di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur 7989 (P.U (A) 772).

2.3 **Datuk Bandar** bermaksud Datuk Bandar Kuala Lumpur dan termasuk mana-mana Pengarah Jabatan dan mana-mana Pegawai DBKL yang diperwakilkan kuasa secara sah oleh Datuk Bandar bagi menguruskan proses perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan tersebut yang akan dilaksanakan oleh Kontraktor/Perunding.

2.4 **Hadiah** bermaksud pemindahan samada dengan nilai atau tanpa nilai yang bersamaan apa-apa barangan atau kepentingan, yang nyata atau tidak nyata termasuk tetapi tidak terhad kepada wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, pinjaman, akujanji, keraian, hospitaliti, janji, tiket hiburan, atau kejohanan sukan, perjalanan hujung minggu, permainan golf, pinjaman peralatan, atau lain-lain barang atau kepentingan yang bermaksud untuk mempengaruhi atau meletakkan jajahan pengaruh atau memberikan ganjaran kepada individu atau entiti sama ada yang diberi kepada atau diterima oleh Pegawai DBKL itu, ahli keluarganya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya.

UNTUK KEGUNAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SAHAJA

2.5 **Kontraktor** bermaksud individu, entiti, firma, perkongsian atau syarikat yang berurusan atau membuat urus niaga dengan DBKL dalam skop Kod Etika ini dan termasuklah pembekal yang dilantik DBKL dan bercadang untuk mengadakan atau sedang terikat kepada ikatan dalam kontrak dengan DBKL.

2.6 **Pegawai DBKL** bermaksud seseorang anggota tetap, sementara atau kontrak yang bekerja dengan Datuk Bandar dan termasuklah pekerja-pekerja dalam Kumpulan Perusahaan dan Pekerja Rendah.

2.7 **Perunding** adalah mana-mana individu atau firma yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau badan ikhtisas yang dilantik berdasarkan kepada kepakaran dan pengalaman profesional bagi melaksanakan perkhidmatan profesional sama ada bagi sesebuah projek pembangunan fizikal atau bukan fizikal.

2.8 **Rasuah** bermaksud penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi

2.9 **Suapan** bermaksud :-

(i) Wang, derma, along, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;

(ii) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;

(iii) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;

(iv) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;

(v) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;

(vi) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan

(vii) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (i) hingga (vi).

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT DBKL SAHAJA

2.10 **Pegawai Penguasa** adalah pegawai yang dilantik oleh Datuk Bandar untuk bertanggungjawab mengawal selia dan memberi arahan kerja menurut peruntukan pengurusan perolehan tender, sebut harga atau pembelian terus serta segala berkaitan urusan pembekalan dan obligasi di bawah kontrak dilaksanakan oleh Kontraktor/Perunding.

3.0 PRINSIP-PRINSIP

Pengurusan DBKL adalah komited dalam memastikan atau menjangka semua urusan berkaitan perolehan dan pentadbiran kontrak Datuk Bandar adalah berteraskan amalan tadbir urus yang baik. Bagi maksud tersebut, para Kontraktor/Perunding adalah diwajibkan untuk mematuhi prinsip-prinsip berikut:-

3.1 Jujur Dan Amanah Dalam Melaksanakan Tanggungjawab

Semua Kontraktor/Perunding dan wakil mereka hendaklah menjalankan transaksi perniagaan dan aktiviti-aktiviti mereka dengan jujur, amanah, bertanggungjawab dan berintegriti.

Kontraktor/Perunding serta mana-mana wakilnya hendaklah:

(i) Merekod dan melaporkan secara jujur dan tepat semua maklumat perniagaan;

(ii) Bertanggungjawab menjaga dan melindungi aset fizikal dan intelektual DBKL, termasuk hartanah serta bekalan dan peralatan apabila diberi kuasa oleh DBKL untuk menggunakan aset tersebut; dan

(iii) Memastikan semua rekod, komunikasi dan pendedahan yang berkaitan dengan DBKL dibuat dengan penuh adil, tepat pada masanya dan boleh difahami.

3.2 Mematuhi Undang-undang dan Peraturan

Semua Kontraktor/Perunding DBKL termasuk mana-mana wakilnya hendaklah menerima dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa ketika menyertai mana-mana proses perolehan DBKL dan menjalankan mana-mana obligasi di bawah kontrak DBKL.

Kontraktor/Perunding serta mana-mana wakilnya hendaklah :

(i) Mematuhi terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui di dalam perjanjian kontrak;

(ii) Mematuhi semua peraturan dan undang-undang sivil dan/atau jenayah negara;

(iii) Mematuhi semua peruntukan undang-undang berhubung larangan sogokan dan rasuah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan;

(iv) Mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan dengan bahan-bahan berbahaya, perlepasan udara, bahan buangan dan sisa buangan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa; dan

UNTUK KEGUNAAN PIHAK DBKL SAHAJA

(v) Mematuhi semua undang-undang berkenaan anti-persaingan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

3.3 Menjauhi Sebarang Bentuk Rasuah

Kontraktor/Perunding serta mana-mana wakilnya hendaklah tidak akan, secara langsung atau tidak langsung meminta, menawar, memberi atau berjanji untuk memberi sesuatu ganjaran berbentuk hadiah, wang, barangan atau perkhidmatan atau apa-apa bentuk dorongan atau habuan lain kepada mana-mana Pegawai DBKL sebagai balasan untuk keputusan, pendapat, undian atau tindakan lain yang mempengaruhi sebarang keputusan perolehan.

Kontraktor/Perunding serta mana-mana wakilnya hendaklah:

(i) Tidak bersubahat dalam melakukan aktiviti yang berunsur rasuah; dan

(ii) Segera melaporkan kepada pihak pengurusan DBKL jika terdapat perlakuan atau cubaan rasuah dilakukan oleh pegawai DBKL atau kontraktor lain.

3.4 Mengelakkan Konflik Kepentingan

Kontraktor/Perunding termasuk mana-mana wakilnya hendaklah menghindari diri dari melakukan perkara yang boleh menyebabkan berlakunya percanggahan kepentingan dalam urusan perolehan.

Percanggahan kepentingan ini berlaku apabila Kontraktor/Perunding mempunyai hubungan keluarga ataupun perkongsian perniagaan dengan ahli jawatankuasa tender atau lain-lain Pegawai DBKL yang terlibat dalam perolehan tersebut.

Kontraktor/Perunding yang mempunyai percanggahan atau berpotensi mempunyai percanggahan kepentingan dengan mana-mana warga kerja DBKL, hendaklah dengan segera memaklumkan kepada pihak pengurusan DBKL sama ada sebelum atau selepas pelantikan dan pemilihan.

3.5 Larangan Pemberian Hadiah

Kontraktor tidak boleh dalam apa jua keadaan menawarkan atau memberi apa-apa hadiah sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana Pegawai DBKL atau mana-mana keluarga Pegawai DBKL yang boleh mempengaruhi pertimbangan pegawai/warga kerja dalam menjalankan tugas rasmi mereka.

UNTUK KEGUNAAN TENDER DIBIKSASAHAJA

3.6 Perhubungan Tidak Wajar

Perhubungan secara lisan atau bertulis dengan mana-mana Pegawai, Pengurusan DBKL, Ahli Lembaga Penasihat DBKL atau lain-lain Pegawai DBKL, selain daripada Pegawai Penguasa yang mana boleh secara munasabah diandaikan bahawa perhubungan tersebut bertujuan untuk mempengaruhi atau secara munasabah boleh mempengaruhi perkara-perkara yang berkaitan dengan perolehan tersebut. Larangan ini termasuklah dan tidak terhad kepada perjumpaan peribadi, komunikasi telefon, surat, faks dan e-mel. Larangan ini tidak termasuk perhubungan Dengan Pegawai DBKL Atas Sebab Untuk Perbincangan Tentang Kerja yang sedang dilakukan yang mana tiada kaitan dengan urusan perolehan yang sedang dalam tindakan.

3.7 Menghindari Amalan Anti Persaingan

Semua Kontraktor/Perunding hendaklah mengamalkan persaingan yang sihat dan telus dalam urus niaga perolehan seperti tidak memberi maklumat palsu atau mengelirukan kepada Kontraktor/Perunding lain, menyembunyi atau memusnah dokumen.

(i) Penilaian Tender/Sebutharga Secara Bebas

Kontraktor/Perunding akan membuat perkiraan harga yang terkandung dalam mana-mana tender atau sebutharga secara berasingan tanpa sebarang pakatan, perundingan, komunikasi atau persetujuan dengan mana-mana kontraktor saingan yang bertujuan mengurangkan saingan semasa tender atau sebutharga di buat kepada DBKL.

(ii) Tiada Sebarang Komunikasi Tentang Tender/ Sebutharga

Harga yang di sebut oleh Kontraktor/Perunding dalam tender atau sebutharga tidak akan di hebahkan oleh Kontraktor/Perunding secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana Kontraktor/Perunding lain yang memasuki tender atau sebutharga sebelum tarikh tutup tender atau sebutharga tersebut.

(iii) Penyerahan Tender / Sebutharga

Kontraktor/Perunding tidak dibenarkan membuat apa-apa cubaan untuk mempengaruhi mana-mana individu atau entiti lain untuk membuat atau tidak memasuki tender atau sebutharga kepada DBKL.

3.8 Bertanggungjawab Ke Atas Semua Maklumat Dan Aset DBKL

(i) Maklumat

Kerahsian dan integriti apa-apa maklumat yang diberikan kepada Kontraktor/Perunding perlu dijaga bagi mengelakkan sebarang risiko pendedahan secara langsung dan tidak langsung atau kepada mana-mana pihak atau menjatuhkan reputasi serta prestasi DBKL.

(ii) Aset Datuk Bandar

Semua Kontraktor/Perunding hendaklah mematuhi hak-hak pemilikan harta intelek DBKL termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta, paten, tanda dagangan, rahsia perdagangan dan hak-hak intelek lain yang dilindungi di bawah mana-mana perundangan bertulis yang sedang berkuatkuasa di Malaysia.

UNTUK KEGUNAAN PERUNDING DBKL SAHAJA

Teknologi maklumat dan apa-apa sistem yang disediakan oleh DBKL hanya boleh digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan urusan DBKL sahaja.

Kontraktor/Perunding adalah dilarang melakukan apa-apa tindakan penyalahgunaan terhadap apa-apa aset, kemudahan, teknologi, sistem dan perkakasan DBKL dengan tujuan berniat jahat dan/ atau bersalahan dengan mana-mana undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.

3.9 Kepentingan Kualiti Piawaian dan Kemahiran

Semua Kontraktor/Perunding hendaklah sentiasa memberi dan meningkatkan piawaian etika serta kualiti yang tinggi ketika menyempurnakan urusniaga.

Kontraktor/Perunding hendaklah:

(i) Memperoleh lesen/permit yang diperlukan sebagai Kontraktor/Perunding barangan atau perkhidmatan untuk DBKL;

(ii) Menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi, mencukupi dan berkualiti dalam menyempurnakan urusniaga; dan

(iii) Mengguna dan membekalkan peralatan yang memenuhi kualiti yang ditetapkan bagi menjalankan aktiviti yang dipertanggungjawabkan.

4.0 PEMATUHAN KOD ETIKA KONTRAKTOR DAN PERUNDING

Pematuhan terhadap prinsip-prinsip, polisi dan peraturan yang telah dinyatakan di dalam Kod ini adalah diwajibkan kepada semua Kontraktor/Perunding dan wakil-wakilnya yang berurusan dengan Datuk Bandar.

Kontraktor/Perunding hendaklah:

4.1 Membaca dan memahami Kod ini;

4.2 Melaporkan dengan segera ketidakpatuhan atau pelanggaran Kod ini oleh mana-mana pihak kepada pihak pengurusan DBKL yang dilantik;

4.3 Memberi kerjasama sepenuhnya terhadap siasatan yang dibuat; dan

4.4 Memastikan dan mendidik kakitangan dan pekerja Kontraktor/Perunding bahawa mereka memahami dan mematuhi kod etika ini.

5.0 PELANGGARAN KOD ETIKA KONTRAKTOR DAN PERUNDING

Sekiranya terdapat sebarang pelanggaran atas mana-mana peruntukan dalam Kod Etika ini oleh Kontraktor/Perunding, DBKL boleh mengambil tindakan mengikut undang-undang atau sepertimana yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak dalam apa-apa kontrak, termasuk tetapi tidak terhad, kepada mengisytiharkan Kontraktor/Perunding sebagai tidak bertanggungjawab atau melanggari kontrak atau dihalang dari meneruskan urusan kontrak termasuk menyenaraihitamkan Kontraktor/Perunding.

Kontraktor hendaklah patuh sepenuhnya kepada semua undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan rasuah, sogokan dan amalan perniagaan yang dilarang. Pelanggaran Kod Etika Kontraktor/Perunding ini atau sebarang peruntukan dibawahnya boleh menyebabkan Kontraktor/Perunding disabitkan dengan kesalahan jenayah atau sivil mengikut undang-undang.

UNTUK KEGUNAAN PASUKAN BUKIT KIARA DAN AGENSI-AGENSI BERKAITAN SAHAJA

6.0 TANGGUNGJAWAB MEMBUAT LAPORAN

6.1 Melaporkan Permintaan Hadiah

Kontraktor/Perunding adalah bertanggungjawab untuk melaporkan dengan segera kepada Jabatan Integriti DBKL apa-apa atau semua permintaan hadiah yang dibuat kepada Kontraktor/Perunding atau mana-mana wakil Kontraktor/Perunding oleh mana-mana Pegawai DBKL atau ahli jawatankuasa tender/sebut harga DBKL.

6.2 Melaporkan Perubahan Penting

Kontraktor/Perunding adalah di bawah tanggungjawab yang berterusan untuk melaporkan apa-apa perubahan keadaan yang memberi kesan yang besar ke atas mana-mana laporan terdahulu kepada DBKL termasuk tetapi tidak terhad kepada pendedahan konflik kepentingan.

6.3 Pendedahan Salah Laku

Kontraktor/Perunding adalah digesa melaporkan dengan segera sebarang salah laku yang menyalahi undang-undang atau amalan tidak beretika dan pelanggaran terhadap Kod Etika ini oleh mana-mana Pegawai DBKL. Semua isu atau aduan yang dilaporkan oleh Kontraktor/Perunding dengan segala usaha yang munasabah akan dirahsiakan identiti orang yang membuat laporan tersebut selaras dengan Garis Panduan Pelindungan Pemberi Maklumat Pegawai dan Kakitangan DBKL.

Laporan atau aduan salah laku boleh dibuat melalui saluran seperti di bawah dan segala maklumat yang diterima adalah sulit.

Telefon : 03-2028 2444
Faks : 03-2604 0579
Emel : aduanintegriti@dbkl.gov.my
Alamat : Jabatan Integriti,
Tingkat 6, Menara DBKL 2,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

UNTUK KEGUNAAN SEBUT HARGA SAHAJA

PENGESAHAN PEMATUHAN KOD ETIKA KONTRAKTOR/PERUNDING DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa satu Salinan Kod Etika Kontraktor/Perunding Datuk Bandar Kuala Lumpur ini telah diserahkan dan saya/kami memperakui bahawa telah membaca, memahami dan akan mematuhi kandungan Kod Etika Kontraktor/Perunding Datuk Bandar Kuala Lumpur ini.

Cop Syarikat Kontraktor/Perunding	**Tandatangan Kontraktor/Perunding**
Nama Kontraktor/ Perunding	

UNTUK KEGUNAAN SEBUT HARGA DBKS SAHAJA

BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL

☐ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah menyerah simpan maklumat pemunyaan benefisial di SSM

☐ Berdaftar dengan SSM dan tidak perlu menyerah simpan maklumat pemunya benefisial di SSM (syarikat enterprise) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)

☐ Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Perlu menghantar boring tanpa diisi)

Tandakan ☑

Nama Syarikat :
Butiran Pemunya Benefisial :

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Jawatan dalam syarikat (sekiranya ada)	Kewarganegaraan

Saya…..……nombor kad pengenalan / nombor pasport.....yang mewakili syarikat/perniagaan…….....nombor pendaftaran……. (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengesahkan bahawa senarai pemunya benefisial syarikat seperti mana pemberitahuan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang diserah simpan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berdasarkan Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Yang benar,

Tandatangan : ……

Nama : ……

No.KP : ……

Jawatan : ……

Tarikh : ……

Cap Syarikat : ……

Catatan :

***** Potong mana yang tidak berkenaan

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PENDAFTAR SAHAJA

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Saya, ……No. Kad Pengenalan ..... yang mewakili…….....….nombor Pendaftaran……..…… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan:

i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*] dan Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*] dan Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan : ……

Nama : ……

No.KP : ……

Jawatan : ……

Tarikh : ……

Cap Syarikat : ……

UNTUK KEGUNAAN SEBUTHARGA SAHAJA

SENARAI SEMAK KECUKUPAN DOKUMEN WAJIB DIISI / DISERAH BERSAMA DOKUMEN TENDER

TAJUK PEROLEHAN : PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BIL	BUTIRAN DOKUMEN	UNTUK DIISI OLEH PETENDER		UNTUK DIISI OLEH URUSETIA JAB PELAKSANA		CATATAN
		ADA TANDAKAN (/) PADA	TIADA TANDAKAN (/) PADA	ADA TANDAKAN (/) PADA	TIADA TANDAKAN (/) PADA	
1	**Surat Akuan Pembida**	☐	☐	☐	☐	
2	**Kod Etika Kontraktor / Perunding DBKL**	☐	☐	☐	☐	
3	**Borang Pemberitahuan Pemunya Benefisial**	☐	☐	☐	☐	
4	**Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa**	☐	☐	☐	☐	
5	**Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC)**	☐	☐	☐	☐	
6	**Borang Tender (<u>WAJIB</u> diisi lengkap, jika tidak Tawaran akan DITOLAK)**					
	a) Tandatangan Petender	☐	☐	☐	☐	
	b) Tandatangan Saksi	☐	☐	☐	☐	
	c) Mengisi tempoh	☐	☐	☐	☐	
	d) Harga / Peratus Tawaran diisi	☐	☐	☐	☐	
	e) Cop syarikat	☐	☐	☐	☐	
	f) Tarikh tandatangan petender	☐	☐	☐	☐	
7	**Penyata Bulanan Bank**					
	a) Bulan _____	☐	☐	☐	☐	
	b) Bulan _____	☐	☐	☐	☐	
	c) Bulan _____	☐	☐	☐	☐	
	DAN/ATAU					
	Laporan Kewangan Syarikat Yang Diaudit dan Disahkan/Salinan Akaun Syarikat Yang Disahkan					
	a) Tahun _____	☐	☐	☐	☐	
	b) Tahun _____	☐	☐	☐	☐	
	c) Tahun _____	☐	☐	☐	☐	
	(PETENDER GRED G7 WAJIB KEMUKAKAN PENYATA BULANAN BANK DAN LAPORAN KEWANGAN SYARIKAT/SALINAN AKAUN SYARIKAT BAGI TIGA (3) TAHUN BERTURUT-TURUT)					
8	**Laporan Bank/ Institusi kewangan mengenai kedudukan kewangan petender**	☐	☐	☐	☐	
9	**Pengalaman Kerja 5 Tahun Kebelakang**					
	a) Surat Setujuterima	☐	☐	-	-	
	b) Perakuan Siap Kerja	☐	☐	-	-	
	c) Sijil Bayaran Interim Terakhir /Sijil Akaun Terakhir	☐	☐	-	-	
10	**Kakitangan Teknikal**					
	a) Penyata Caruman KWSP	☐	☐	-	-	
	b) Sijil Kelulusan	☐	☐	-	-	
	c) Surat Perlantikan	☐	☐	-	-	
11	**Loji Milik Petender**					
	a) Kad Pendaftaran	☐	☐	-	-	
	b) Resit Pembelian/ Perjanjian Sewa Beli	☐	☐	-	-	
12	**Maklumat Kerja Semasa**					
	a) Surat Setujuterima / Sijil Bayaran Interim	☐	☐	-	-	
	b) Laporan Prestasi (jika ada)	☐	☐	-	-	
	(PETENDER WAJIB MENGISYTIHARKAN MAKLUMAT KERJA SEMASA DI DALAM BORANG D (BORANG MAKLUMAT PETENDER) SEPERTI DI DALAM CIMS CIDB (BAGI TENDER KERJA SAHAJA))					
13	**Peralatan / Bahan (Jika Berkaitan)**					
	a) Jadual Data Teknikal / Soal Selidik / Borang Cadangan Petender	☐	☐	-	-	
	b) Katalog / Surat Jaminan Pembekal	☐	☐	-	-	

UNTUK KEGUNAAN SEBUTHARGA TERBUKA SAHAJA

SENARAI SEMAK KECUKUPAN DOKUMEN WAJIB DIISI / DISERAH BERSAMA DOKUMEN TENDER

TAJUK PEROLEHAN : PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BIL	BUTIRAN DOKUMEN	UNTUK DIISI OLEH PETENDER		UNTUK DIISI OLEH URUSETIA JAB PELAKSANA		CATATAN
		ADA TANDAKAN (/)	TIADA PADA	ADA TANDAKAN (/)	TIADA PADA	
14	**Sijil Score CIDB (Jika Berkaitan)**	☐	☐	-	-	
15	**Sijil/Perakuan Anugerah (Jika Berkaitan)**	☐	☐	-	-	
16	**Sijil/Surat Pengesahan Pelaksanaan Program PROTÉGÉ (Jika Berkaitan)**	☐	☐	-	-	

NOTA:

1.0 Semua Dokumen Wajib dan Dokumen Sokongan yang disertakan hendaklah dijilidkan.

2.0 Surat Akuan Pembida, Laporan Kewangan Syarikat/Salinan Akaun Syarikat DAN/ATAU Penyata Bulanan Bank serta Maklumat Kerja Semasa **HENDAKLAH DIKEMUKAKAN.** Bagi **petender Gred G7**, semua dokumen tersebut adalah **WAJIB** dan sekiranya gagal dikemukakan, maka tawaran petender akan **DITOLAK** dan tidak akan dipertimbangkan.

Tandatangan & Cop Rasmi Petender

……
Tarikh :……..

Tandatangan Wakil Urusetia Jabatan Pelaksana

……
( )
Tarikh :……..

UNTUK KEGUNAAN ASET BUMI ENERGI (M) SDN BHD SAHAJA

SENARAI SEMAKAN MENGISI DOKUMEN TENDER

Tender Untuk :

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Nota

a. Senarai semakan ini adalah bertujuan bagi membantu petender mengemukakan satu tender yang lengkap dan tanpa sebarang kesilapan. Semua petender adalah dinasihatkan supaya menggunakan senarai semakan ini bagi menyemak tender mereka sebelum menyerahkan tender masing-masing.

b. Segala usaha telah diambil untuk menyenaraikan perkara-perkara yang lazimnya perlu diambil tindakan oleh seseorang Petender dalam mengemukakan tendernya. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab Petender sepenuhnya bagi menentukan lengkapnya sesuatu tender yang dikemukakannya.

c. Petender adalah digalakkan menggunakan senarai semakan ini sebagai panduan bahawa sesuatu tindakan perlu diambil atau peringatan bahawa tindakan telah diambil untuk memastikan kesempurnaan tender yang dikemukakan.

d. Petender adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap dokumen tender adalah lengkap dan jika terdapat apa-apa percanggahan dan ketidaksempurnaan pada dokumen tender berkenaan berdasarkan semakan bersama Dokumen Meja Tender, dan adalah menjadi tanggungjawab petender untuk merujuk kepada Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan supaya pembetulan kepada percanggahan dan ketidaksempurnaan tersebut dapat dibuat.

UNTUK KEGUNAAN ASET BERHARGA DBKL SAHAJA

BIL	PERKARA	TANDAKAN (/) JIKA TINDAKAN TELAH DIAMBIL (PETENDER)
A.	**PENGISIAN DOKUMEN**	
A1	**JANGAN** gunakan dakwat mudah luntur, pemadam getah atau kimia cecair dan betulkan kesilapan dengan memotong kesilapan tersebut dengan satu garisan bersih melintang dan ditandatangani ringkas oleh petender dan saksinya	☐
A2	**JANGAN** buat apa-apa perubahan atau tambahan kepada Borang Tender atau mana-mana dokumen lain dalam Dokumen Tender yang boleh dianggap mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam Dokumen Tender	☐
A3	SURAT AKUAN PEMBIDA **(WAJIB DIISI DENGAN LENGKAP)**	
	i) Isi nama wakil syarikat, nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran syarikat bagi MOF/CIDB/SSM (hendaklah seorang yang dibenarkan menandatangani kontrak bagi pihak syarikat petender menurut pendaftaran)	☐
	ii) Turunkan tandatangan setelah membaca dan memahami Surat Akuan Pembida	☐
	iii) Isi nama, nombor kad pengenalan dan tarikh	☐
	iv) Turunkan Cop Syarikat	☐
A4	SURAT AKUAN PEMBIDA UNTUK MELAKSANAKAN *PROGRAM PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS - READY TO WORK* (PROTÉGÉ-RTW) **(WAJIB DIISI DENGAN LENGKAP)**	
	i) Isi nama wakil syarikat, nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran syarikat bagi MOF/CIDB (hendaklah seorang yang dibenarkan menandatangani kontrak bagi pihak syarikat petender menurut pendaftaran)	☐
	ii) Turunkan tandatangan setelah membaca dan memahami Surat Akuan Pembida	☐
	iii) Isi nama, nombor kad pengenalan dan tarikh	☐
	iv) Turunkan Cop Syarikat	☐
A5	KOD ETIKA KONTRAKTOR/PERUNDING DATUK BANDAR KUALA LUMPUR **(WAJIB DIISI DENGAN LENGKAP)**	
	i) Isi nama Kontraktor/Perunding (setelah membaca dan memahami Kod Etika Kontraktor/Perunding)	☐
	ii) Turunkan Cop Syarikat Kontraktor/Perunding	☐
	iii) Turunkan Tandatangan Kontraktor/Perunding	☐
A6	BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL **(WAJIB DIISI DENGAN LENGKAP)**	
	i) Tandakan Maklumat Pendaftaran Pemunya Benefisial yang berkaitan dengan SSM	☐
	ii) Isi Nama Syarikat dan Butiran Pemunya Benefisial	☐
	iii) Isi nama Kontraktor/Perunding	☐
	iv) Turunkan Cop Syarikat Kontraktor/Perunding	☐
	v) Turunkan Tandatangan Kontraktor/Perunding	☐
A7	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA **(WAJIB DIISI DENGAN LENGKAP)**	
	i) Isi nama Kontraktor/Perunding	☐
	ii) Turunkan Cop Syarikat Kontraktor/Perunding	☐
	iii) Turunkan Tandatangan Kontraktor/Perunding	☐

UNTUK KEGUNAAN ASE BETIDAK DIBUKSAS AHUAJA

BIL	PERKARA	TANDAKAN (/) JIKA TINDAKAN TELAH DIAMBIL (PETENDER)
A8	BORANG TENDER **(WAJIB DIISI DENGAN LENGKAP)**	
	a. Muka Surat BT/2	
	i) **Perenggan 3** Isi tempoh penyiapan kerja mengikut minggu (jika perlu)	☐
	ii) **Perenggan 4** Isi dengan perkataan dan juga angka jumlah tawaran berdasarkan peratusan (%)	☐
	b. Muka surat BT/4	
	i) - Isi tarikh	☐
	ii) - Turunkan tandatangan (hendaklah seorang yang dibenarkan menandatangani kontrak bagi pihak Syarikat petender menurut pendaftaran)	☐
	- Turunkan Cop Syarikat	☐
	- Turunkan tandatangan saksi dan isi maklumat saksi ***Butiran pada perkara A3, A4, A5, A6, A7 dan A8 adalah WAJIB di isi dengan betul dan lengkap. Kegagalan mengisi maklumat dengan lengkap akan mengakibatkan tawaran akan ditolak.***	☐
A9	SENARAI KUANTITI / RINGKASAN TENDER (sekiranya berkaitan)	
	i) Hargakan semua item yang disenaraikan di dalam Senarai Kuantiti / Ringkasan Tender	☐
	ii) Jangan mengumpul / menyatukan (bracketing) harga untuk beberapa item yang berlainan	☐
	iii) Semak pengiraan harga bagi setiap item	☐
	iv) Semak jumlah setiap mukasurat	☐
	v) Pastikan bahawa jumlah setiap muka surat dipindahkan ke muka surat 'koleksi' dengan betul	☐
	vi) Pastikan bahawa jumlah di Senarai Kuantiti / Ringkasan Tender dipindah ke Borang Tender	☐
	vii) Isi jumlah amaun tender dalam angka dan perkataan di ruang yang diperuntukkan	☐
	viii) Isi tarikh, tandatangan dan Cop Syarikat	☐
	ix) Isi maklumat dan tandatangan saksi	
A10	JADUAL KADAR HARGA (sekiranya berkaitan)	☐
	i) Hargakan semua item yang disenaraikan di dalam Jadual Kadar Harga	
A11	JADUAL DATA TEKNIKAL / BORANG CADANGAN PETENDER (sekiranya berkaitan)	☐
	i) Petender perlu mengisi butiran Jadual Data Teknikal dengan lengkap.	☐
	i) Petender perlu memperakui cadangan yang ditawarkan.	

UNTUK KEGUNAAN SETIAP PENDERGAHAN KSAHAJA

BIL	PERKARA	TANDAKAN (/) JIKA TINDAKAN TELAH DIAMBIL (PETENDER)
A12	Tindakan ke atas Lampiran-lampiran di Dokumen Tender	
	a. Lampiran A Borang Jaminan Bank/Insurans Untuk Bon Pelaksanaan (Kontrak Kerja)	Makluman
	b. Lampiran B Borang Jaminan Bank / Jaminan Syarikat Kewangan/ Jaminan Insuran Untuk Bayaran Pendahuluan	Makluman
	c. Lampiran C Borang Maklumat Petender (BRG/JP/BPP(Pind.2/2025)) ***Isi semua butir-butir di borang ini (13 mukasurat kesemuanya) dengan betul dan lengkap. Kegagalan mengisi maklumat atau memberi maklumat palsu, jika dapat dikesan akan mengakibatkan tender ditolak.***	
	A. Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender	☐
	B. Maklumat Am Latar Belakang Petender	☐
	C. Data Kewangan Petender	☐
	CA. Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kedudukan Kredit Petender	☐
	D. Senarai Kerja/Kontrak Semasa Petender	☐
	DA. Laporan Prestasi Kerja Semasa Petender	☐
	E. Rekod Pengalaman Kerja Petender	☐
	F. Kakitangan Teknikal	☐
	d. Lampiran D i. Senarai Dan Tugas Panel Syarikat Insurans / Broker Insurans Dan Broker Takaful DBKL	Makluman
	ii. Syarat-Syarat Atau Tugas-Tugas Dan Tanggungjawab Panel Syarikat Insurans / Broker Insurans dan Broker Takaful DBKL	Makluman
	Borang-Borang di Lampiran A, B dan D di atas adalah untuk makluman sahaja. Borang-borang ini tidak perlu diambil tindakan atau diisi pada peringkat tender	

UNTUK KEGUNAAN PETENDER DAN BKS SAHAJA

BIL	PERKARA	TANDAKAN (/) JIKA TINDAKAN TELAH DIAMBIL (PETENDER)
B	**KEMUKA TENDER** Dokumen-dokumen wajib sangatlah penting dan perlu dikemukakan bagi membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat ke atas petender. Sekiranya petender tidak atau gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen wajib seperti di bawah, tender petender akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.	
B1	Menjilid Dokumen Dokumen Tender yang dihantar ke Bahagian Pengurusan Perolehan perlulah dijilidkan (binding) oleh petender, (seperti keperluan perkara 5, Arahan Dan Syarat-syarat Am Kepada Petender) bagi mengelakkan sebarang kehilangan dokumen / lampiran penting.	☐
B2	Kemukakan dokumen-dokumen wajib seperti berikut : i) Dokumen Tender / Sebutharga Asal ii) Borang Maklumat Petender (BRG/JP/BPP(Pind.2/2025)) iii) **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)** iv) Ringkasan Tender/Senarai Kuantiti/Jadual Kadar Harga yang telah dihargakan oleh Petender (Sekiranya berkaitan) v) **Laporan Kewangan Beraudit Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender yang telah diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah (certified true copy) oleh Juruaudit Bertauliah.** vi) **Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Tender yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan.** vii) **Maklumat Kerja Semasa dan Laporan Penyelia Projek mengenai prestasi kerja semasa Petender** viii) Jadual Data Teknikal / Borang Cadangan Petender (Jika berkaitan) ***(PETENDER GRED G7 WAJIB KEMUKAKAN PENYATA BULANAN BANK DAN LAPORAN KEWANGAN SYARIKAT BAGI TIGA (3) TAHUN BERTURUT-TURUT)*** ***Tawaran petender Gred G7 akan ditolak sekiranya tidak mengemukakan salah satu perkara tersebut dan tiada pengesahan Juru Audit Bertauliah (untuk perkara v).***	☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐ ☐
B3	Kemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut : i) Laporan bank/institusi kewangan mengenai kedudukan kewangan petender ii) Salinan Perakuan / Pengesahan Siap Kerja iii) Salinan Penyata Caruman KWSP iv) Salinan sijil kelulusan / kelayakan setiap kakitangan teknikal v) Salinan Kad Pendaftaran atau dokumen-dokumen lain yang membuktikan keempunyaan atau perjanjian sewa pajak/ sewa beli atas loji dan peralatan	☐ ☐ ☐ ☐ ☐
B4	Kemukakan Dokumen / Katalog / Sampel Sokongan	☐
B5	Kelulusan SIRIM	☐

UNTUK KEGUNAAN PASUKAN PENGURUSAN PERBADANAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

UNTUK KEGUNAAN SEBUTHARGA DBKL SAHAJA

BAHAGIAN 2. ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT AM KEPADA PETENDER

ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT AM KEPADA PETENDER

A) MAKLUMAT DAN PERATURAN AM

1. Am

Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada Petender ini, dalam mana mempengaruhi pelaksanaan Kontrak, hendaklah menjadi sebahagian daripada Kontrak.

2. Kaedah Mengemukakan Tender

Petender sebelum mengemukakan tender hendaklah mengkaji arahan dan syarat-syarat am kepada petender, syarat-syarat kontrak, skop kerja, spesifikasi dan lukisan agar pematuhan dengan syarat-syarat dilaksanakan seperti yang ditetapkan. Petender tidak dibenarkan meletakkan atau mengenakan syarat tambahan melainkan yang telah ditetapkan dalam dokumen tender. Tender ini dianggap **BATAL** jika petender mengenakan syarat tambahan atau mengenakan syarat-syarat lain.

Setiap petender hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tender sahaja untuk perolehan ini. Pertimbangan tidak akan diberikan kepada mana-mana petender yang mengemukakan lebih dari satu (1) tender dan kesemua tendernya akan dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan.

3. Cara Melengkapkan Tender

Petender adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap dokumen tender yang dibelinya adalah lengkap berdasarkan semakan oleh petender dengan Dokumen Meja Tender. Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberi kepada petender dengan salinan dalam Dokumen Meja Tender atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawab petender untuk memohon secara bertulis kepada Bahagian Pengurusan Perolehan supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Tender bagi penyerahan tender.

Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Bahagian Pengurusan Perolehan atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Addenda Tender (Addendum) yang hendaklah dihantar kepada semua petender. Addenda Tender (Addendum) itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender dan Tender yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan pada huraian, ubahsuaian atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandunginya.

Petender **WAJIB MENGISI DAN MENANDATANGANI** dengan dakwat segala maklumat berikut dengan lengkap dan sempurna:-

(i) Surat Akuan Pembida
(ii) Kod Etika Kontraktor/Perunding Datuk Bandar Kuala Lumpur
(iii) Borang Pemberitahuan Pemunya Benefisial

UNTUK KEGUNAAN PETENDERGAHKI SAHAJA

(iv) Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa
(v) Borang Tender
(vi) Ringkasan Tender *(Jika Berkaitan)*
(vii) Senarai Kuantiti *(Jika Berkaitan)***
(viii) Borang Maklumat Petender (BRG/JP/BPP(Pind.2/2025))

**Sekiranya Petender tidak menghargakan atau meletakkan tanda (-) pada mana-mana item di dalam Kerja Awalan/Senarai Kuantiti/Ringkasan Tender, nilai/kadar harga item tersebut adalah dianggap telah termasuk di dalam nilai/kadar harga bagi item-item lain di dalam dokumen tersebut.

Individu yang dibenarkan untuk menandatangani Borang Tender hendaklah yang dinamakan dalam Sijil PPK/SPKK/STB/MOF/CIDB/Surat Perwakilan Kuasa. Sekiranya petender gagal untuk mengisi dan menandatangani maklumat-maklumat ini, tender petender akan **DITOLAK** dan tidak akan dipertimbangkan.

Tiada apa-apa perubahan, tambahan atau nota yang tidak dibenarkan, boleh dibuat kepada Borang Tender atau mana-mana Dokumen Tender yang lain.

4. Maklumat Latar Belakang Kewangan dan Prestasi Petender

Petender-petender hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian tender ini akan mengambilkira dan mementingkan keupayaan petender untuk melaksanakan projek ditender, disamping kemunasabahan harga tender. Justeru itu keupayaan petender-petender akan dinilai semasa penilaian tender. Penilaian ini akan dibuat berasaskan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan teknikal, keempunyaan loji dan peralatan pembinaan utama, dan prestasi kerja semasa petender.

Bagi membolehkan penilaian ini dibuat dengan sempurna, petender-petender diwajibkan mengisi dan mengemukakan Borang Maklumat Petender (BRG/JP/BPP(Pind.2/2025)) yang akan disertakan bersama-sama Dokumen Tender ini, dengan sempurna dan mengembalikannya bersama-sama dengan tender masing-masing.

Borang-borang ini hendaklah diisi dengan maklumat-maklumat yang benar dan data-data yang tepat. Semua butiran perlu diisi dan jawapan yang jelas hendaklah diberikan terhadap semua pertanyaan di dalam borang-borang di atas. Jika perlu helaian tambahan boleh dilampirkan. Setiap helaian tambahan yang dilampirkan hendaklah ditandatangani oleh petender.

Disamping melengkapkan **Borang Maklumat Petender** yang tersebut di atas, petender-petender dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama tendernya :-

i. Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) **(WAJIB)**

ii. Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Tender yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan. **(WAJIB bagi Petender Gred G7)**

UNTUK KEGUNAAN PETENDER PERCAB PAKSA SAHAJA

iii. Laporan Kewangan Beraudit Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender yang telah diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah (certified true copy) oleh Juruaudit Bertauliah. **(WAJIB bagi Petender Gred G7)**

iv. Kemudahan Kredit oleh Institusi Kewangan yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank/institusi kewangan berkenaan dalam satu sampul atau Deposit Tetap (sekiranya ada) yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan

v. Salinan Perakuan / Pengesahan Siap Kerja bagi setiap kerja yang telah disiap.

vi. Salinan Borang KWSP `A' bagi bulan caruman terakhir bagi setiap kakitangan teknikal atau salinan perjanjian perkhidmatan professional yang diambil khidmat secara kontrak.

vii. Salinan sijil kelulusan / kelayakan setiap kakitangan teknikal.

viii. Salinan Kad Pendaftaran atau dokumen-dokumen lain yang membuktikan kepunyaan petender atau salinan perjanjian sewabeli / sewapajak atas loji dan peralatan.

ix. Senarai Kerja Semasa seperti di dalam sistem CIMS CIDB dan Laporan Penyelia atau Jurutera Projek Mengenai Prestasi Kerja Semasa Petender, bagi setiap kerja, bekalan dan perkhidmatan.

Dokumen-dokumen ini penting untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat ke atas petender**. Petender gred G1 hingga G6, WAJIB mengemukakan salah satu dokumen (ii), (iii) <u>atau</u> (iv). Semua petender Gred G1 hingga G7 WAJIB mengemukakan Senarai Kerja Semasa seperti di dalam *sistem CIMS CIDB*.** Sekiranya petender gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen wajib, maka tender petender akan **<u>DITOLAK</u>** dan tidak akan dipertimbangkan.

Semua maklumat dan dokumen-dokumen yang tersebut di atas hendaklah dikemukakan oleh petender bersama-sama tendernya sebelum tarikh tutup tender dan Petender tidak akan berpeluang lagi untuk mengemukakannya selepas itu. Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak mendapatkan pengesahan ke atas maklumat kewangan yang dikemukakan oleh petender dari mana- mana institusi kewangan/agensi berkaitan.

Sebarang maklumat atau mana-mana dokumen tersebut yang diterima selepas tender ditutup tidak akan diambil kira dalam penilaian keupayaan petender.

5. Pengemukaan Dokumen

Dokumen Tender yang dihantar ke Bahagian Pengurusan Perolehan perlulah dijilid (*binding*) oleh petender bagi mengelakkan sebarang kehilangan dokumen / lampiran penting.

Tender-tender dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam para 3 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Tender bagi penyerahan tender.

UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN SAHAJA

Jika sesuatu tender tidak diserahkan dengan tangan, petender mestilah menguruskan bagi tendernya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.

Mana-mana tender yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dipertimbangkan.

Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Tender hendaklah diisi dan diserahkan oleh petender berserta dengan tendernya.

6. Keputusan Tender Adalah Muktamad

Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak boleh terikat menyetujuterima tender yang rendah sekali atau mana-mana tender dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu tender serta berhak untuk melantik lebih dari satu petender untuk melaksanakan kerja ini. Keputusan mengenai tender yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan tender ini tidak akan dilayan.

7. Perbelanjaan Penyediaan Tender

Semua perbelanjaan bagi penyediaan tender ini hendaklah ditanggung oleh petender sendiri. Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh petender bagi menyediakan tender- tendernya boleh dibayar kepadanya.

8. Tempoh Sah Tender

Tender-tender hendaklah terus sah selama tempoh sembilan puluh (90) hari bagi sebutharga dan satu ratus dua puluh (120) hari bagi tender dari tarikh tutup tender bagi penyerahan tender sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Tender dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan Jika dan apabila perlu.

Jika mana-mana petender :-

a) Menarik balik tendernya sebelum tamat Tempoh Sah Tender atau apa-apa tempoh lanjutan, atau

b) Mengenakan had, syarat atau janjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik tender ini), atau

c) Jika sekiranya tender telah disetujuterima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Perlaksanaan atau tidak meneruskan kerja-kerja ;

maka, dalam mana-mana hal itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur hendaklah tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran petender sebagai kontraktor Datuk Bandar

UNTUK KEGUNAAN SEBUTHARGA DBKL SAHAJA

Kuala Lumpur sebagaimana difikirkan perlu oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

9. Lawatan Tapak

Lawatan tapak adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam iklan tender.

Jika dinyatakan lawatan tapak sebagai **WAJIB,** petender adalah **diwajibkan** untuk menghadiri lawatan tapak tersebut pada masa dan tempat yang telah ditetapkan. Kegagalan petender untuk menghadiri lawatan tapak akan menyebabkan petender gagal untuk memasuki tender tersebut.

Jika dinyatakan lawatan tapak sebagai **DIGALAKKAN**, petender hanyalah dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan tendernya bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan tender disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan tendernya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja-kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke tapak bina, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luarjangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan tendernya.

10. Pembatalan Tawaran Oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur Bagi Mana-Mana Firma Atau Syarikat Kontraktor / Pembekal / Perunding Yang Melakukan Kesalahan Yang Boleh Didakwa Dimahkamah.

Jika pada bila-bila masa selepas tawaran bagi kontrak ini disetujuterima, sekiranya firma atau syarikat Kontraktor/Pembekal/Perunding sama ada pemilik tunggal, perkongsian, pengarah, pegawai, kakitangan, ejen atau mana-mana pekerja yang melakukan kesalahan, gagal mematuhi mana- mana peruntukan akta dan undang-undang atau melakukan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dan menyalahi undang-undang yang sedang berkuatkuasa yang boleh mengakibatkan pendakwaan dilakukan terhadapnya dimana-mana mahkamah maka Datuk Bandar Kuala Lumpur boleh untuk menarik balik atau menamatkan tawaran ini dengan serta merta tanpa memberikan sebarang alasan dan tiada apa-apa tuntutan/pampasan akan dibayar kepada firma atau syarikat Kontraktor/Pembekal/Perunding dibawah kontrak ini.

11. Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan

Perolehan Hijau Kerajaan *(Government Green Procurement; GGP)* merujuk kepada pembelian produk untuk perolehan pembekalan, perkhidmatan dan kerja yang mengambil kira kriteria alam sekitar untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi, serta meminimumkan dan mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

UNTUK KEGUNAAN PIHAK DBKL SAHAJA

Spesifikasi dan kriteria yang mempunyai elemen hijau ini boleh dirujuk melalui laman sesawang MGTC di www.mgtc.gov.my dan MyHIJAU di www.myhijau.my atau memuat naik aplikasi mudah alih (MyHIJAU) bagi mendapatkan maklumat seperti berikut:

a) Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) yang terkini;
b) Senarai kumpulan produk/perkhidmatan yang telah dibangunkan mematuhi spesifikasi hijau; dan
c) Produk dan perkhidmatan yang mematuhi spesifikasi hijau di dalam skim pengiktirafan MyHIJAU Mark.

12. Petender Yang Berjaya

Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang tendernya dengan surat (disebut "Surat Setujuterima Tender") dalam Tempoh Sah Tender atau apa-apa tempoh lanjutan. Petender tersebut hendaklah dengan seberapa segera yang praktik tetapi sebelum bermulanya kerja mendeposit dengan Pegawai Penguasa, perkara-perkara berikut :-

a) Bon Perlaksanaan;

b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;

c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);

d) Polisi Insurans Pampasan Pekerja atau Nota liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar.

Bagi perolehan Bekalan, item (b), (c), dan (d) di atas adalah **dikecualikan**.

13. Bon Pelaksanaan

Bon Pelaksanaan adalah suatu aku janji tidak bersyarat oleh sesuatu institusi kewangan yang diluluskan oleh kerajaan untuk membayar kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur suatu amaun tertentu atas tuntutan Datuk Bandar Kuala Lumpur sekiranya syarikat tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.

Petender yang berjaya dikehendaki mengemukakan bon pelaksanaan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur mengikut perkiraan kadar berikut ;-

Perolehan Kerja		
Jenis Kontrak		**Wang Jaminan**
a.	Kontrak Konvensional/Reka & Bina	5 % Nilai Kontrak
b.	Kontrak Penyelenggaraan	5% daripada purata nilai kontrak setahun

UNTUK KEGUNAAN ASET BERSEKUTU DBKL SAHAJA

Perolehan Bekalan/Perkhidmatan		
a.	Di bawah RM 10,000.00	Tiada
b.	RM 10,001.00 hingga RM 500,000.00	2.5 % Nilai Kontrak
c.	Lebih RM 500,000.00	5 % Nilai Kontrak

Petender yang berjaya boleh memilih salah satu daripada bentuk bon perlaksanaan seperti berikut :

i) Wang Jaminan dalam bentuk Tunai atau
ii) Jaminan Bank seperti dalam borang yang disediakan oleh Datuk Bandar seperti dalam Lampiran atau
iii) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dipotong daripada bayaran kemajuan seperti berikut.

a.	Perolehan Kerja	potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada bayaran kemajuan pertama dan seterusnya akan dikenakan sehingga ia mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada nilai keseluruhan kontrak
b.	Perolehan Bekalan/Perkhidmatan	potongan secara penuh daripada bayaran kemajuan pertama

Petender yang berjaya hendaklah memastikan Bon Pelaksanaan sentiasa sah dan berkuatkuasa dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan adalah berdasarkan nilai projek seperti berikut:-

Nilai Projek	Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan
Kos Projek sehingga RM10 Juta	• Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga **12 bulan** selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) • Format dan kandungan seperti di Lampiran A1
Kos Projek melebihi RM10 Juta	• Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga **24 bulan** selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) • Format dan kandungan seperti di Lampiran A2

Petender diingatkan untuk mengambil kira tempoh sah laku Bon Pelaksanaan mengikut nilai projek semasa menghargakan tender. Sebarang rayuan akibat kegagalan kontraktor untuk mengambil kira tempoh sah laku bon pelaksanaan semasa menghargakan tender tidak akan dilayan.

14. Pelaksanaan Program *"Professional Training Education For Growing Entrepreneurs – Ready To Work"* (PROTÊGÊ-RTW) Dalam Perolehan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Petender adalah dikehendaki melaksanakan program PROTÊGÊ-RTW dalam perolehan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengikut had nilai ambang (threshold value) dan kategori perolehan seperti berikut:-

UNTUK KEGUNAAN SETIDEPOTEN KLASIMAJA

Jenis Perolehan	Nilai Ambang Bagi Perolehan Tertakluk	Nilai Ambang Bagi Perolehan Tidak Tertakluk
Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan	RM50 juta dan ke atas	RM10 juta dan ke atas kecuali untuk sektor yang dinyatakan secara khusus seperti di jadual yang berkenaan di bawah

Bil.	Sektor	Nilai Ambang
1	Pembinaan	RM10 juta
2	Perkhidmatan Penyelenggaraan Bangunan/Infrastruktur/Jalan	RM5 juta
3	Teknologi Informasi dan Komunikasi	RM10 juta
4	Perkhidmatan Perundingan	RM5 juta
5	Perubatan dan Farmasi	RM10 juta
6	Perkhidmatan Sokongan Kesihatan	RM10 juta
7	Perkhidmatan Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih	RM10 juta
8	Pengangkutan dan logistik	RM10 juta
9	Pertahanan Strategik	RM10 juta
10	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	RM4 juta
11	Sektor Lain	RM10 juta

$$\frac{\text{1\% X Kos Keseluruhan projek/perolehan*}}{\text{RM 24,000**}}$$

* Merupakan harga kerja Pembina bagi kos keseluruhan projek dan tanpa kenaan cukai
** Elaun PROTÊGÊ-RTW sebanyak RM2,000 seorang X 12 Bulan

Petender adalah wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program PROTÊGÊ-RTW seperti di **mukasurat SAP/3** bersama dengan Dokumen Tender ini.

Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program PROTÊGÊ-RTW tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebut harga/tender. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh penama di sijil *MOF/CIDB, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

UNTUK KEGUNAAN AGENSI PERSEKUTUAN SAHAJA

Sekiranya sesuatu kontrak yang menggunakan Wang Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara melebihi nilai ambang yang ditetapkan, Kontraktor Utama wajib memastikan klausa berkenaan pelaksanaan Program PROTÊGÊ-RTW dimasukkan di dalam kontrak dengan Sub-Kontraktor Yang Dinamakan (NSC) dan/atau Kontraktor Domestik.

15. Pematuhan kepada Perintah Gaji Minimum

Petender hendaklah mematuhi dan melaksanakan apa-apa ketetapan yang dikeluarkan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) termasuk apa-apa perundangan subsidari yang dibuat di bawahnya yang berkuatkuasa dari masa ke semasa disepanjang tempoh kontrak dan menanggung semua kos yang berkaitan dengannya tanpa melibatkan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

16. Penamatan Disebabkan Oleh Rasuah, Tipuan Bida, Aktiviti Tidak Sah Atau Aktiviti Yang Menyalahi Undang-Undang

Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Datuk Bandar Kuala Lumpur, sekiranya [Syarikat/Firma], kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat/Firma] dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, atau didapati terlibat dengan tipuan bida oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Datuk Bandar Kuala Lumpur hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat/Firma] untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.

Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur akibat daripada penamatan itu.

Pihak-Pihak bersetuju bahawa [Syarikat/Firma] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

Peringatan mengenai kesalahan **RASUAH** dalam perolehan kerjaan :-

(a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan kepada atau daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

(b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

UNTUK KEGUNAAN SEBENDERA BELAKSANAJA

17. Tapisan Keselamatan

Setiap petender yang berjaya bagi tawaran/sebutharga untuk kerja seperti kerja-kerja pembersihan dan penyenggaraan di dalam pejabat serta projek pembangunan/penyelenggaraan sistem maklumat/data/transaksi/sistem rangkaian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur **diwajibkan** membuat tapisan keselamatan untuk setiap pekerja yang terlibat dan mengemukakan sesalinan surat keselamatan kasar daripada Pejabat Keselamatan Negara (CGSO). Oleh itu, penender yang **berjaya** dikehendaki **mengemukakan senarai nama pekerja yang ditugaskan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ke Jabatan Pelaksana dalam tempoh dua (2) minggu selepas Surat Setuju Terima (SST)**. Petender adalah dianggap telah memasukkan segala kos yang terlibat dalam proses tapisan ini di dalam harga tawaran.

18. Cukai Jualan 2018 dan Cukai Perkhidmatan (CJCP)

Pelaksanaan pencukaian adalah tertakluk kepada Cukai Jualan 2018 dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) (Akta 807) yang berkuatkuasa serta syarat dan perjanjian

Bagi petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta CJCP (Akta 807), namun akan menjadi petender yang berdaftar CJCP setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Bahagian Pengurusan Perolehan, Jabatan Pentadbiran atau Jabatan Pelaksana berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta CJCP.

19. Harga Indikatif Jabatan *(Jika Berkaitan)*

Harga Indikatif Jabatan bagi tender ini adalah seperti dinyatakan di dalam **Bahagian 3 : Harga Indikatif Jabatan.**

Harga Indikatif Jabatan adalah merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Datuk Bandar Kuala Lumpur atau mana-mana pihak yang lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

20. Tempoh Siap Kerja Maksimum

Tawaran petender akan ditolak sekiranya tempoh siap kerja TIDAK dinyatakan di Borang Tender kecuali bagi tender yang ditetapkan tempoh siap *(fixed period).* Sekiranya tempoh siap kerja maksimum dinyatakan di dalam mana-mana bahagian tender ini, mana-mana petender yang menawarkan tempoh yang melebihi tempoh siap kerja maksimum adalah **TIDAK LAYAK dipertimbangkan**.

UNTUK KEGUNAAN SEBUT HARGA SAHAJA

21. Senarai Kuantiti/Ringkasan Tender *(Jika Berkaitan)*

Senarai Kuantiti/Ringkasan Tender hendaklah dihargakan dengan **DAKWAT HITAM** yang kekal dan tidak luntur. Jumlah amaun yang dihargakan dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Tender oleh Petender hendaklah sama dengan amaun yang dinyatakan di dalam Borang Tender.

Sekiranya petender tidak menghargakan atau meletakkan tanda (-) pada mana-mana item di dalam Kerja Awalan/Senarai Kuantiti/Ringkasan Tender, nilai/kadar harga item tersebut adalah dianggap telah termasuk di dalam nilai/kadar harga bagi item-item lain di dalam dokumen tersebut.

Petender yang berjaya hendaklah, dalam masa tujuh (7) hari apabila diminta oleh Pegawai Penguasa bagi pihaknya mengemukakan pecahan terperinci unit harga untuk sebarang item, kumpulan item atau semua item yang terkandung di dalam Senarai Kuantiti, pecahan harga tersebut hendaklah mengandungi harga untuk buruh, bahan, loji, peralatan dan sebagainya.

Tiada sebarang perubahan, tambahan atau sebarang nota dibenarkan dibuat kepada Dokumen Tender dan/atau Senarai Kuantiti ini yang mengubah teks yang tercetak.

22. Kos Tender

Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar apa-apa kos atau perbelanjaan atau kerugian yang dialami oleh petender di dalam penyediaan atau penghantaran tender beliau.

23. Pelarasan Harga Dan Kadar Harga

Ringkasan Tender dan Senarai Kuantiti akan diteliti dan diselaraskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk memastikan kemunasabahannya sebelum tender disetujuterima sebagaimana yang diperuntukkan di dalam dokumen ini. Harga dan kadar harga yang diselaraskan hendaklah tidak mengubah jumlah harga di Borang Tender.

Petender yang berjaya dikehendaki untuk menyemak dan memeriksa lukisan komponen IBS untuk memastikan kecukupan reka bentuk/perincian yang diperlukan bagi tujuan pembinaan/pemasangan di tapak bina. Sekiranya petender yang berjaya perlu mengesyorkan sebarang reka bentuk, beliau hendaklah mengemukakan semua lukisan, spesifikasi, pengiraan dan maklumat yang berkaitan kepada Pegawai Penguasa untuk kelulusan.

24. **Peruntukan Syarat Perubahan Harga *(Variation Of Price*) Dalam Kontrak *(Jika berkaitan)***

Petender-petender adalah diberitahu bahawa tender ini adalah berdasarkan harga tender tetap. Petender-petender juga diberitahu bahawa klausa 30 Syarat-Syarat Kontrak DBKL 203A (Rev. 1/2010) berkaitan dengan Turun Naik Harga tidak lagi terpakai. Dengan ini, petender adalah dinasihatkan untuk mengambilkira kesemua risiko yang terlibat semasa tempoh kontrak berjalan di dalam Harga Tendernya.

UNTUK KEGUNAAN BUNDARGIATBKS SAHAJA

25. Sijil SCORE Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ***(Jika berkaitan)***

Petender dikehendaki mengemukakan Salinan Sijil SCORE dari CIDB yang masih sah pada Tarikh Tutup Tender (tidak lebih satu (1) tahun dari Tarikh sijil dikeluarkan).

26. Mematuhi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 1994 (Akta 520) ***(Jika berkaitan)***

Petender yang berjaya bagi semua tender yang bernilai melebihi RM500,000.00 akan dikenakan levi sebanyak perpuluhan satu dua lima peratus (0.125%) daripada nilai harga kontrak seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 34(2) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 1994 (Akta 520). Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab petender yang berjaya untuk membuat bayaran levi kepada pihak CIDB.

27. Pematuhan Akta 342 Dan Norma Baharu Dalam Sektor Pembinaan Dan Dalam Menangani Epidemik Dan Pandemik Covid 19 (Mengikut Keadaan Semasa)

Petender yang berjaya dikehendaki mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan semua Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang berkaitan dalam menangani Epidemik dan Pandemik seperti wabak Covid 19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, CIDB dan Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Petender dikehendaki mengambilkira dalam harga tender untuk pematuhan perkara ini.

Kegagalan mematuhi Akta, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang telah ditetapkan menyebabkan tindakan boleh diambil oleh agensi- agensi yang berkenaan dan sebarang tuntutan akibat tindakan ini tidak akan dipertimbangkan.

28. Pengemukaan Pengisytiharaan Pemunya Benefisial Dan Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Buruh Paksa

Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan 1.6 telah dikemaskini selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migrin 2007 [Akta 670].

i) Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701]

a. Akta A1701 yang diwartakan pada 2 Februari 2024 telah mewajibkan setiap syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengisytihar Pemunya Benefisial (Benefisial Owners – BO) bagi memerangi aktiviti-aktiviti

UNTUK KEGUNAAN PIHAK BERKUASA SAHAJA

pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai perniagaan di Malaysia.

b. Tafsiran dan kriteria BO boleh dirujuk kepada Guideline For The Reporting Framework For Benefisial Ownership Of Legal Persons yang dimuat turun dari laman sesawang SSM iaitu www.ssm.com.my.

c. Petender hendaklah melaksanakan pengisyitiharaan BO dengan mengemukakan Borang Pengisytiharaan BO seperti di mukasurat BO/1 untuk menyertai perolehan Kerajaan yang bernilai melebihi RM50 ribu.

d. Petender hendaklah memastikan BO diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan atau dimuat naik bersama dokumen tawaran secara manual atau secara dalam talian sepertimana yang telah ditetapkan.

e. Kegagalan petender untuk mengemukakan BO akan menyebabkan sebut harga/tender* yang disertai ditolak.

ii) Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migrin 2007 [Akta 670]

a. Selaras dengan Akta 670 satu akuan atau pengisytiharaan oleh Petender perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedy.

b. Petender yang menyertai perolehan Kerajaan adalah diwajibkan untuk menandatangani Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa (SA) seperti di mukasurat SA/1.

c. Petender hendaklah memastikan SA diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan atau dimuat naik bersama dokumen tawaran sebut harga/tender* secara manual atau secara dalam talian sepertimana yang telah ditetapkan.

d. Kegagalan petender untuk mengemukakan SA akan menyebabkan sebut harga/tender* yang disertai ditolak.

Bagi tender yang disertai oleh beberapa Syarikat yang berdaftar dengan SSM secara usahawan, kesemua Syarikat hendaklah mengemukakan BO dan SA semasa mengemukakan tawaran.

UNTUK KEGUNAAN ASET BUMIPERGIADUN SAHAJA

B) TATACARA PENILAIAN KEUPAYAAN PETENDER

1. Maklumat-Maklumat Yang Diperlukan Untuk Penilaian Keupayaan Petender

Petender hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian tender ini akan mengambilkira dan mementingkan **keupayaan petender** untuk melaksanakan projek yang ditender, di samping kemunasabahan harga tender.

Penilaian akan dibuat berasaskan **kelayakan asas tender, keupayaan kewangan dan pengalaman kerja, keupayaan dan kakitangan teknikal serta prestasi kerja semasa petender.**

Untuk membolehkan penilaian dibuat, petender dikehendaki melengkapkan borang-borang **di Lampiran C – Borang Maklumat Petender (BRG/JP/BPP(Pind.2/2025)** yang disertakan bersama Dokumen Tender ini dengan sempurna dan mengembalikannya bersama-sama dengan tender masing-masing:

i.	**Borang A**	Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen yang Dikemukakan oleh Petender
ii.	**Borang B**	Maklumat Am Latar Belakang Petender
iii.	**Borang C**	Data Kewangan Petender
iv.	**Borang CA**	Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit Petender
v.	**Borang D**	Senarai Kerja/Kontrak Semasa Petender
vi.	**Borang DA**	Laporan Prestasi Kerja Semasa Petender
vii.	**Borang E**	Rekod Pengalaman Kerja Petender (Senarai Kerja Dalam Tempoh 5 Tahun Lepas)
viii.	**Borang F**	Kakitangan Teknikal

Borang-borang ini hendaklah diisi dengan maklumat-maklumat yang benar dan data-data yang tepat. Setiap helaian tambahan yang dilampirkan kepada borang-borang lain hendaklah ditandatangani oleh petender.

Bagi memastikan kesahihan maklumat dan data yang diterima daripada petender, maklumat tersebut hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen berikut untuk tujuan penilaian.

a) Perakuan/Sijil Pendaftaran

i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB;
ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB/ Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)/ Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ).
iii. Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (jika berkaitan);
iv. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan)

UNTUK KEGUNAAN ASET BUMI ENERGI BERHAD SAHAJA

b) Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen

Petender **WAJIB** mengisi dan menandatangani **Borang A**. Kegagalan mengemukakan **Borang A** yang lengkap akan menyebabkan petender tidak layak dinilai.

c) Maklumat Kewangan

i. Petender hendaklah mengisi **Borang C** (Data Kewangan Petender)

ii. Petender **WAJIB** mengemukakan **sekurang-kurangnya salah satu** dokumen kewangan berikut:

iii. Salinan Penyata Kewangan Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut- turut setahun sebelum tahun tutup tender yang **diaudit** dan **disahkan** dengan salinan diakui sah (*certified true copy*) oleh Juruaudit Bertauliah . **(Petender Gred G7 adalah DIWAJIBKAN)**

iv. Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan . **(Petender Gred G7 adalah DIWAJIBKAN)**

v. Laporan ASAL bank/institusi kewangan mengenai kemudahan kredit petender, atas format seperti di **Borang CA** yang **ditandatangani** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank/institusi kewangan berkenaan

vi. Deposit tetap (sekiranya ada) yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan boleh dikemukakan sebagai tambahan kepada pengiraan keupayaan kewangan.

vii. Pihak Datuk Bandar Kuala Lumpur akan membuat semakan dengan pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan bagi mendapatkan pengesahan ke atas maklumat kewangan yang dikemukakan oleh petender. Petender hendaklah memastikan bahawa pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan mengemukakan maklum balas dalam tempoh empat belas hari (14) hari dari tarikh surat dihantar kepada mereka. Kegagalan pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan untuk mengemukakan maklum balas dalam tempoh tersebut akan menyebabkan maklumat kewangan petender yang berkenaan tidak diambil kira dalam penilaian.

d) Maklumat Teknikal

i. Petender dikehendaki menyenaraikan kerja semasa di **Borang D seperti maklumat di sistem CIMS CIDB.** Petender **WAJIB** mengisi **Borang DA** dengan lengkap dan dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan. Kegagalan petender untuk mengisytiharkan kerja semasa akan menyebabkan tendernya ditolak. Bagi petender yang tidak mempunyai kerja semasa, sila catatkan "Tiada Kerja Semasa" di **Borang D**.

UNTUK KEGUNAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SAHAJA

ii. Petender dikehendaki menyenaraikan kerja-kerja yang telah dilaksanakan di **Borang E** berserta dokumen-dokumen sokongan sekiranya mempunyai pengalaman kerja. Bagi petender yang tidak mempunyai pengalaman kerja, sila catatkan “Tiada pengalaman” di **Borang E**. Kegagalan petender untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen sokongan di **Borang E** akan mengakibatkan maklumat tersebut tidak dapat disemak kerana ketidakcukupan dokumen. Hal ini boleh menyebabkan maklumat tersebut tidak diambil kira.

iii. Salinan Penyata Caruman KWSP bagi bulan caruman terkini (bulan sebelum tarikh tutup tender atau sebulan sebelumnya yang mengandungi nama setiap kakitangan teknikal atau salinan perjanjian perkhidmatan professional yang diambil berkhidmat secara Kontrak, yang disenaraikan di **Borang F.**

iv. Salinan sijil kelulusan/kelayakan setiap kakitangan teknikal Kategori A dan B yang disenaraikan di **Borang F.**

v. Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Salinan Surat Setuju Terima dan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di **Borang D**;

- Laporan Asal Projek mengenai prestasi semasa petender, bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di Borang D, atas format seperti **Borang DA**. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional yang menyelia projek tersebut; dan

- Salinan Surat Setuju Terima dan Salinan Perakuan Siap Kerja/ Pengesahan Siap Kerja/Perakuan Muktamad setiap kerja yang telah disiapkan dan disenaraikan di **Borang E**.

e) Dokumen Tambahan

Petender yang mempunyai dan mengemukakan salinan sijil-sijil berikut boleh diberi keutamaan dalam perakuan tender:

i. Sijil SCORE

Sijil SCORE dari CIDB yang masih sah semasa tender ditutup (tidak lebih satu tahun dari tarikh sijil dikeluarkan).

ii. Sijil/Perakuan Anugerah

Anugerah yang diperolehi oleh petender yang berkaitan dengan industri pembinaan dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang, contohnya Anugerah Kontraktor Cemerlang, Anugerah Pengurusan Pembinaan Terbaik.

UNTUK KEGUNAAN PIHAK BERKUASA SAHAJA

iii. Sijil/Surat Pengesahan Pelaksanaan Program PROTEGE

Petender mengemukakan sijil atau surat pengesahan pelaksanaan Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) daripada Sekretariat PROTÉGÉ.

Dokumen-dokumen wajib dan sokongan seperti di perenggan (a) hingga perenggan (e) adalah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan dibuat ke atas petender. Petender hendaklah mengemukakan dokumen- dokumen ini dalam **satu (1) sampul berasingan** yang dilabelkan sebagai **`DOKUMEN WAJIB DAN SOKONGAN'**. Petender juga dikehendaki mengisi dan menyertakan **Senarai Semakan Dokumen (SSD)** bersama-sama sampul tersebut. Senarai Semakan ini akan menjadi panduan semakan semula dan bukti penerimaan dokumen-dokumen wajib dan sokongan.

Semua maklumat dan dokumen yang tersebut di atas hendaklah dikemukakan bersama-sama dokumen tender sebelum tarikh dan waktu tutup tender. Bagi memastikan Datuk Bandar Kuala Lumpur bersikap adil dan saksama kepada petender-petender lain yang berjaya mematuhi arahan tersebut, **sebarang maklumat atau dokumen yang dikemukakan selepas daripada tarikh dan waktu tutup tender TIDAK AKAN DITERIMA.**

Sekiranya petender mengemukakan maklumat palsu, tidak memberikan maklumat yang dikehendaki dengan lengkap, dan/atau menyembunyikan atau sengaja tidak mengemukakan mana-mana maklumat yang memberi kesan negatif terhadap keupayaannya, tendernya akan ditolak dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur ke atas petender.

UNTUK KEGUNAAN TENDER INI SAHAJA

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAHAGIAN 3. BORANG TENDER

UNTUK KEGUNAAN SEBUT HARGA SAHAJA

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

BORANG TENDER

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Kepada : **DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

Tuan,

Di bawah dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Membuat Tender yang dilampirkan bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini membuat Tender dan menawar untuk melaksana dan menjalankan Kerja- Kerja dan peruntukan-peruntukan dan membekalkan semua buruh, bahan dan loji-loji, tanda-tanda amaran, mesin-mesin, pencahayaan waktu malam dan pada keadaan-keadaan yang memerlukannya, kubuan dan lain-lain yang diperlukan termasuk perlindungan insuran kerja, pampasan pekerja, tanggungan awam dan lain-lain risiko am dan bayaran cukai dan levi berkaitan kepada pihak berkuasa yang berkaitan dan segala benda dari tiap-tiap jenis yang masing-masing disebut dan lain-lain benda yang diperlukan dalam menjalankan kerja-kerja dengan cara yang selamat dan betul, yang samada ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam, atau yang hendaklah ditakrifkan daripada Dokumen Tender, yang hendaklah dilaksanakan dan dibekalkan oleh Pihak Kontraktor, bagi Kerja-Kerja yang diperihalkan di atas, dengan menepati Dokumen Tender tersebut dengan kadar harga yang disebut di bawah ini.

2. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menjadi terikat oleh dan tunduk kepada Syarat-Syarat Kontrak dan Spesifikasi tersebut dan bersetuju bahawa jika Tender ini disetujuterima, kadar harga dalam Ringkasan Tender dan Jadual Kadar Harga hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa tentang kemunasabahannya tetapi jumlah wang pukal yang diTenderkan di bawah ini hendaklah tetap dan tidak berubah. Harga yang telah diselaraskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam syarat-syarat kontrak, hendaklah menjadi asas bagi menilaikan apa-apa kerja / perubahan yang mungkin diarahkan oleh Pegawai Penguasa secara bertulis dari semasa ke semasa. Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju bahawa Ringkasan Tender hendaklah menjadi asas bagi menilaikan Perakuan Bayaran Sementara.

UNTUK KEGUNAAN PIHAK BERKUASA SAHAJA

3. Dan selanjutnya, yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menyiapkan Kerja-Kerja itu dalam masa yang akan ditentukan oleh Pegawai Penguasa atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diperuntukan dalam Syarat-syarat Kontrak. Tempoh kontrak ini adalah berkuatkuasa selama **Tiga (3) Tahun** daripada Surat Arahan Mula Kerja melainkan terdapat arahan memanjangkan/ memendekkan tempoh seperti yang diarahkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Datuk Bandar Kuala Lumpur bagaimanapun sentiasa berhak untuk mengubah Had Jumlah Harga Kumulatif dan/ atau melanjutkan tempoh masa Kontrak yang ia sifatkan sesuai.

4. Yang bertandatangan di bawah dengan ini mengemukakan tawaran bagi melaksanakan Kerja-kerja ini dengan kadar ..... **% tambahan/kurangan*** iaitu ……..…… peratus **tambahan/kurangan*** (nyatakan dalam perkataan) daripada senarai di Jadual Kadar Harga seperti yang tersenarai dalam dokumen ini.

Nota: * - sila potong yang tidak berkenaan

5. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan bahawa kadar peratus yang ditawarkan akan diselaraskan dengan Senarai Kadar Harga tersebut untuk menghasilkan Jumlah Bayaran yang akan dibuat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap sesuatu pesanan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah sentiasa berhak untuk memilih dan/atau melantik satu atau beberapa Kontraktor untuk melaksanakan perolehan kerja ini.

6. Yang bertandatangan di bawah ini juga bersetuju bahawa nilai anggaran keseluruhan perolehan ini adalah di jangka di dalam lingkungan **RM 666,666.67** setahun, walaubagaimanapun Datuk Bandar Kuala Lumpur/ Pegawai Penguasa adalah sentiasa berhak untuk mengubah [samada mengurangkan atau menambah] jumlah tersebut atau dengan sebab-sebab yang munasabah tidak langsung mengeluarkan apa-apa arahan kepada Kontraktor. Arahan berasingan akan dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa dari semasa ke semasa, di mana dan apabila kerja perlu dijalankan.

7. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa tempoh kontrak ini akan berkuatkuasa selama **Tiga (3) Tahun** seperti dinyatakan dalam para 3 di atas dan juga tertakluk kepada Had Jumlah Harga Kumulatif tidak melebihi **RM 2,000,000.00** bagi keseluruhan perolehan ini atau apa-apa jumlah amaun yang dipersetujui oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Jumlah Harga Kumulatif ini bermaksud jumlah kesemua pesanan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa bagi kerja ini. Melainkan terdapat apa-apa arahan bertulis daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur sama ada memanjangkan tempoh kontrak dan/atau menambah Had Jumlah Harga Kumulatif, maka kontrak ini akan luput dengan tersendirinya atau dengan notis daripada Pegawai Penguasa, apabila tempoh kontrak telah mencapai **Tiga (3) Tahun** atau Had Jumlah Harga Kumulatif yang ditentukan telah dicapai.

8. Bahawasanya adalah diketahui bahawa DATUK BANDAR KUALA LUMPUR sentiasa berhak menyetuju terima atau menolak Tawaran, sama ada ia lebih rendah atau lebih tinggi daripada tender-tender yang lain, atau sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Tender ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bagi sebutharga dan satu ratus dua puluh (120) hari bagi tender dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PERSEKUTUAN SAHAJA

9. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju, jika Tender ini disetujuterima, mendeposit, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat Setujuterima Tender tetapi sebelum bermulanya Kerja-Kerja, perkara-perkara berikut:

   a) Bon Pelaksanaan;

   b) Polisi Insurans Kerja dan Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;

   c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO); dan/atau

   d) Polisi Insurans Pampasan Pekerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar.

   Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju akan mendapatkan polisi insurans tersebut daripada Panel-panel Broker Insuran yang dilantik oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan akan mendeposit Polisi Insurans bagi Kerja- Kerja tersebut kepada Pegawai Penguasa sebelum melaksanakan kerja. Yang bertandatangan di bawah ini juga akan melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dalam masa yang munasabah selepas itu.

10. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang Tender ini berserta Surat Setujuterima Tender ini (jika ada) hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita walaupun Perjanjian Kontrak yang formal belum dilaksanakan.

11. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun Tender ini adalah salinan-salinan yang sebenarnya bagi dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Tender.

12. Datuk Bandar Kuala Lumpur mempunyai hak untuk membuat Potongan Prestasi seperti di bawah Klausa **15.2** Perjanjian Kerja Penyelenggaraan mengikut formula yang dinyatakan dalam Keperluan Tahap Perkhidmatan sekiranya prestasi kerja penyelenggaraan kontraktor gagal memenuhi Petunjuk Prestasi Utama. Bayaran pemotongan prestasi ini boleh dituntut daripada kontraktor sebagai suatu hutang atau Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak memotong dari mana-mana bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Perjanjian ini.

13. Jumlah Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan bagi kontrak ini adalah seperti yang telah ditetapkan dalam Klausa 41.2 Perjanjian Kerja Penyelenggaraan sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja penyelenggaraan pada tarikh penyiapan atau dalam tempoh yang ditetapkan dalam SIWO. Bayaran gantirugi ini boleh dituntut daripada kontraktor sebagai suatu hutang atau Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak memotong dari mana-mana bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Perjanjian ini.

14. Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan invois dan pesanan penghantaran dalam tempoh yang ditetapkan dalam klausa 5.2 Perjanjian Kerja Penyelenggaraan, satu denda yang bersamaan dengan lima peratus (5%) daripada jumlah tuntutan yang dinyatakan dalam setiap invois akan dikenakan

UNTUK KEGUNAAN EBT TENDER SAHAJA

kepada Kontraktor seperti yang telah ditetapkan dalam klausa 5.6. Bayaran denda ini boleh dituntut daripada kontraktor sebagai suatu hutang atau Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak memotong dari mana-mana bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Perjanjian ini.

15. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:

a) Jika Tender ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Tender atau apa-apa tempoh lanjutan, atau

b) Jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janjian tambahan kepada Tender ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Tender, atau

c) Jika sekiranya Tender telah disetujuterima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau tidak mendeposit Bon Pelaksanaan sebagaimana dikehendaki oleh Syarat-Syarat Kontrak atau tidak meneruskan Kerja- Kerja;

maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, DATUK BANDAR KUALA LUMPUR sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan dibawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah sebagai Kontraktor DATUK BANDAR KUALA LUMPUR, sebagaimana difikirkan perlu oleh DATUK BANDAR KUALA LUMPUR.

Bertarikh pada .....haribulan .....20.....

.....
Tandatangan Petender
Nama Penuh: .....
Jawatan: .....

yang diberikuasa dengan sempurnanya untuk menandatangani Tender ini untuk dan bagi pihak:

Meteri atau Cop Petender

.....
Tandatangan Saksi
Nama Penuh: .....
Pekerjaan: .....
Alamat:.....

.....

UNTUK KEGUNAAN SEBENAR TAWARAN SAHAJA

DP.MWA%-Pind.2/2025

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAHAGIAN 4. PERJANJIAN KERJA PENYELENGGARAAN

UNTUK KEGUNAAN SEBUTHARGA SAHAJA

UNTUK KEGUNAAN SEBUTHARGA DBKL SAHAJA

PERJANJIAN KERJA PENYELENGGARAAN

DI ANTARA

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

AND

<NAMA KONTRAKTOR>
(NO PENDAFTARAN:)

BAGI

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT DAN PERALATAN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN-BANGUNAN MILIK DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

UNTUK KEGUNAAN SEBUTHARGA DBKS SAHAJA

Senarai Kandungan

1. TAKRIF DAN TAFSIRAN 1
2. SKOP PERJANJIAN 4
3. TEMPOH PERJANJIAN 4
4. HARGA KONTRAK 5
5. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN 5
6. PEGAWAI PENGUASA DAN WAKIL PEGAWAI PENGUASA 6
7. ARAHAN PEGAWAI PENGUASA 7
8. HAK PEGAWAI PENGUASA UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN 8
9. REPRESENTASI, WARANTI DAN AKUJANJI KONTRAKTOR 8
10. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR 10
11. PEMERIKSAAN TAPAK 11
12. PROGRAM KERJA 11
13. BON PELAKSANAAN/CAGARAN PRESTASI 12
14. PEMILIKAN TAPAK 13
15. KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN 13
16. GANTI RUGI BERKENAAN KECEDERAAN DIRI DAN KEROSAKAN HARTA 13
17. INSURANS TERHADAP KECEDERAAN DIRI DAN KEROSAKAN HARTA 14
18. GANTIRUGI KEPADA DATUK BANDAR BERKENAAN TUNTUTAN OLEH PEKERJA 15
19. AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA, 1969 16
20. INSURANS KERJA – KERJA PENYELENGGARAAN 17
21. PENETAPAN TUGAS 18
22. BAHAN – BAHAN DAN BARANGAN BELUM PASANG 18
23. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG 19
24. PERUBAHAN 19
25. PENILAIAN PERUBAHAN 19
26. SENARAI KUANTITI 20
27. JADUAL KADAR HARGA 21
28. PENGUKURAN KERJA PENYELENGGARAAN 21
29. ARAHAN KERJA BERASINGAN DAN INDIVIDU (SIWO) 21
30. PELARASAN HARGA KONTRAK 22
31. WARANTI PRODUK 22
32. PENGGAJIAN PEKERJA 22
33. PENUTUPAN AKAUN 24
34. PENGESAHAN PEGAWAI PENGUASA 25
35. POTONGAN DARIPADA WANG YANG TERHUTANG KEPADA KONTRAKTOR 25
36. WANG PERUNTUKAN SEMENTARA 25
37. BAHAN, BARANG DAN KERJA TANGAN 26
39. JENTERA PEMBINAAN, PERALATAN, KENDERAAN, DAN JENTERA-JENTERA 27
40. PENYELESAIAN KERJA PENYELENGGARAAN DI BAWAH SIWO 27
41. GANTIRUGI BAGI KEGAGALAN UNTUK MENYIAPKAN 28
42. KELEWATAN DAN PELANJUTAN MASA 29
43. KECACATAN SELEPAS SIAP DI BAWAH SIWO 30
44. KEWAJIPAN YANG TIDAK DIPENUHI DI BAWAH SIWO 31
45. PENANGGUHAN KERJA PENYELENGGARAAN DI BAWAH SIWO 31
46. PENGECUALIAN KELAYAKAN PAMPASAN ATAS KERUGIAN DAN PERBELANJAAN 32
47. SIASATAN OLEH DATUK BANDAR DAN PIHAK LAIN, SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, KEGAGALAN ATAU LAIN – LAIN PERISTIWA 32
48. AKSES 33
49. SUB-KONTRAK ATAU TUGASAN 33
50. TIADA PRIVITI ANTARA DATUK BANDAR DAN SUB-KONTRAKTOR DAN/ATAU PEMBEKAL YANG DILANTIK OLEH KONTRAKTOR 34
51. PERISTIWA DAN AKIBAT KEMUNGKIRAN OLEH KONTRAKTOR 34
52. PENAMATAN ATAS KEPENTINGAN NEGARA 37
53. PENAMATAN AKIBAT RASUAH, AKTIVITI HARAM SERTA TIDAK SAH 37

UNTUK KEGUNAAN TENDERGARIK KSA HAJAJA

54. PEMBAYARAN SEMASA PENANGGUHAN DAN PENAMATAN ATAS KEPENTINGAN NEGARA 38
55. SIJIL KOS PENAMATAN 38
56. HAK BERTERUSAN 39
57. FORCE MAJEURE 39
58. EJEN TAPAK DAN PEMBANTU 40
59. DOKUMEN PERJANJIAN 41
60. HAKCIPTA DAN HAK MILIK INTELEK 41
61. ANTIKUITI 42
62. PENYELESAIAN PERTIKAIAN 42
63. NOTIS, DLL 42
64. KESELAMATAN DI TAPAK 43
65. PEMBAYARAN SETELAH PENYELESAIAN 44
66. PINDAAN 44
67. KERAHSIAAN 44
68. DUTI SETEM 45
69. KEBOLEHASINGAN 45
70. PENGECUALIAN 45
71. UNDANG-UNDANG YANG BERKENAAN 45
72. PENGGANTI 45
73. WABAK DAN RAWATAN PERUBATAN 45
74. PERPINDAHAN TEKNOLOGI 46
75. TUGAS AM DAN STANDARD PRESTASI 46
76. SEKATAN DAN PROSEDUR PENGGUNAAN BAHAN DAN BARANGAN IMPORT 46
77. SOGOKAN, RASUAH ATAU AKTIVITI HARAM 47
78. MASA 48

UNTUK KEGUNAAN TENDER AWAM SAHAJA

SENARAI APPENDIX

APPENDIX 1	**BORANG TENDER**
APPENDIX 2	**SURAT PENERIMAAN TENDER**
APPENDIX 3	**RINGKASAN TENDER**
APPENDIX 4	**SURAT SETUJU TERIMA & PERAKUAN PENGESAHAN PENERIMAAN**
APPENDIX 5	**SURAT ARAHAN MULA KERJA**
APPENDIX 6	**SKOP DAN SPESIFIKASI**
APPENDIX 7	**SENARAI KUANTITI / JADUAL KADAR HARGA**
APPENDIX 8	**KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN**
APPENDIX 9	**BON PELAKSANAAN**
APPENDIX 10	**APPENDIX KEPADA SYARAT PERJANJIAN**

UNTUK KEGUNAAN SEBUT HARGA SAHAJA

NO. KONTRAK: _____

PERJANJIAN ini dibuat pada hari ke ____ bulan _____ tahun 20_____

ANTARA

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR, sebuah perbadanan tunggal yang ditubuhkan di bawah Seksyen 5 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan mempunyai pejabatnya di Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur (yang selepas ini disebut sebagai “Datuk Bandar”) dari satu pihak;

DAN

_____(No. Pendaftaran: _____), sebuah syarikat yang berbadan korporat di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan mempunyai pejabat berdaftar di _____ _____ (yang selepas ini disebut sebagai "Kontraktor”) dari pihak yang lain.

(Datuk Bandar dan Kontraktor selepas ini akan dirujuk secara individu sebagai "Pihak" atau secara kolektif sebagai "Pihak-pihak").

BAHAWASANYA:

A. Datuk Bandar ingin melaksanakan_____ _____ (yang selepas ini dirujuk sebagai “Kerja Penyelenggaraan”) dan telah menyediakan Pelan, Bil Kuantiti, Jadual Kadar, Skop Kerja Penyelenggaraan dan Spesifikasi yang menggambarkan kerja yang hendak dilakukan.

B. Berdasarkan Surat Setuju Terima Tawaran bertarikh_____ dan Surat Pengesahan Penerimaan bertarikh _____, Datuk Bandar telah bersetuju melantik Kontraktor dan Kontraktor telah menerima untuk melaksanakan Kerja Penyelenggaraan. Kontraktor juga telah bersetuju untuk memulakan Kerja Penyelenggaraan pada tarikh dan untuk tempoh seperti yang dinyatakan dalam Surat Arahan Mula Kerja bertarikh_____ _.

C. Pelan, Bil Kuantiti, Jadual Kadar, Skop Kerja Penyelenggaraan dan Spesifikasi, Borang Tender, telah ditandatangani oleh Pihak-pihak di sini.

D. Pihak-pihak bersetuju untuk memasuki Perjanjian ini tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di dalamnya.

SEKARANG ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:

1. TAKRIF DAN TAFSIRAN

1.1 Takrif

Dalam Perjanjian ini, melainkan konteksnya memerlukan sebaliknya, perkataan dan frasa berikut hendaklah mempunyai makna-makna seperti yang berikut:

Caj Atas Kos : merujuk kepada apa-apa kos dan perbelanjaan yang munasabah ditanggung oleh Datuk Bandar;

UNTUK KEGUNAAN PIHAK DBKL SAHAJA

